

Rujukan: UKM(S)PDF/232/2 JLD.2
Tarikh: 12 Februari 2018

YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Datuk Dr. Anuwar Ali
Pengerusi
Persatuan Pesara
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Tan Sri,

**PEMAKLUMAN PEMBERIAN KEMUDAHAN RAWATAN DAN PENGINAPAN
KEPADА PESARA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa pengurusan Universiti telah bersetuju untuk memberi beberapa kemudahan kepada pesara UKM iaitu;

- i. Pesara UKM layak mendapatkan perkhidmatan dan diskaun di Poliklinik UKM Kesihatan tertakluk kepada terma yang ditetapkan oleh UKM Kesihatan Sdn Bhd; dan
- ii. Pesara UKM dibenarkan menggunakan kemudahan penginapan di Pusat Latihan Tanjung Karang, Pusat Penyelidikan Tasik Chini dan Pusat Penyelidikan Langkawi dengan kadar yang sama diberikan kepada kakitangan UKM. Sebarang ketetapan adalah berdasarkan kepada pihak pengurusan masing-masing. Walau bagaimanapun, keutamaan akan diberikan untuk acara Universiti.

Diharapkan dengan adanya kemudahan yang diberikan ini dapat membantu pesara untuk mendapatkan kemudahan yang disediakan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti”


Yang benar,



BASIR BAHIR

Pengurus Kanan/Ketua
Unit Elaun, Saraan & Prestasi
Bahagian Sumber Manusia
b.p Pengarah Eksekutif Pentadbiran

s.k > YBhg. Prof. Tan Sri Dato' Seri Naib Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia



MS ISO 9001: 2015

Reg No. : QMS 02549

Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: +603-8911 8236/8235 Faksimili: +603-8911 8259 E-mel: uesp.bsm@ukm.edu.my Laman Web: http://www.ukm.my/pendaftar